

Time senarai Dr M antara 100 paling berpengaruh dunia

Kuala Lumpur: Majalah antarabangsa, *Time* yang mempunyai edaran meluas di seluruh dunia, menyenaraikan Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai antara 100 individu paling berpengaruh di dunia tahun ini susulan kemenangan dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) pada 9 Mei 2018 yang membawanya kembali sebagai Perdana Menteri.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi

Pakatan Harapan (PH) disenaraikan di bawah kategori pemimpin bersama beberapa tokoh lain termasuk Presiden Amerika Syarikat, Donald Trump, Presiden China, Xi Jinping; Perdana Menteri New Zealand, Jacinda Ardern; Perdana Menteri Pakistan, Imran Khan; Putera Mahkota Abu Dhabi, Mohamed Zayed dan Pope Francis.

Pengarang *Sarawak Report*, Clare Rewcastle Brown yang menulis

ringkasan profil Dr Mahathir, menyifatkan pemimpin berusia 93 tahun itu berjaya buktikan usia bukan penghalang perjuangan.

“Bukan hanya orang muda boleh berjuang. Dr Mahathir sudah membuktikannya. Bekas Perdana Menteri itu yang kembali daripada persaraan tahun lalu (sebelum PRU-14), berjaya mengalahkan bekas penggantinya Datuk Seri Najib Razak yang menghadapi pertudu-

han menggelapkan dana 1Malaysia Development Fund Bhd (1MDB),” katanya.

Perkukuh kembali demokrasi

Katanya, Perdana Menteri menyerlah sepanjang kempen PRU yang menjerihkan manakala pegangannya pada nilai asas menarik perhatian pengundi. Usianya pula membolehkan Dr Mahathir meraih kepercayaan rakyat.

“Bagi rakyat Malaysia, episod itu (PRU-14) mengukuhkan kembali demokrasi di negara ini yang hampir terjerumus ke arah totalitarianisme,” katanya.

Turut tersenarai penyerang bola sepak sensasi Liverpool, Mohamed Salah, 26. Salah diletak dalam kategori Titan (gergasi) bersama antaranya Ketua Pegawai Eksekutif Facebook, Mark Zuckerberg dan jaguh golf, Tiger Woods.